

Merawat Mangsa Renjatan Elektrik

Lazimnya, mangsa yang terkena renjatan elektrik tidak sedarkan diri, hilang daya pernafasan dan terhenti denyutan jantung.

Bahagian badan mangsa yang terkena renjatan elektrik akan kelihatan kesan terbakar dan berkemungkinan mengalami kecederaan dalaman.

Perbuatan yang mendorong berlakunya renjatan elektrik

Jangan lakukan jika tidak pasti dan pastikan jangan melakukannya jika tidak selamat.

1. Memperbaiki sendiri peralatan elektrik yang dimiliki tanpa pengetahuan yang cukup.
2. Membuat sendiri pendawaian/ penyambungan atau pendawaian dilakukan oleh orang yang tidak bertauliah.
3. Menggunakan peralatan elektrik yang bermutu rendah dan tidak diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga dan tidak mempunyai label SIRIM.
4. Menggunakan peralatan elektrik yang pecah, rosak dan telah diubahsuai.
5. Menggunakan peralatan elektrik dengan tangan yang basah atau di tempat-tempat lembab seperti di bilik air.
6. Membiarkan kanak-kanak bermain dengan peralatan dan punca elektrik.
7. Mengubahsuai sesuatu peralatan elektrik dari rekabentuk/tujuan asal.

Hindari kemasalambutan elektrik

Setiap pengguna elektrik hendaklah berhati-hati apabila menggunakan peralatan elektrik. Elak daripada melakukan pembaikan, pengubahsuaian tanpa kemahiran dan pengetahuan yang cukup. Jangan menggunakan peralatan elektrik yang berkualiti rendah dan sudah rosak. Pastikan semua ciri-ciri keselamatan dan alat perlindungan di rumah anda berada di dalam keadaan baik dan berfungsi seperti:-

1. Peranti Arus Baki
2. Fius-fius atau Pemutus Litar Kenit
3. Sistem pendawaian bumi

Tindakan

1. Jika didapati arus elektrik masih mengalir, segera matikan bekalan. Gunakan bahan bukan pengalir untuk mengalihkan pengalir yang masih hidup. Lebih lama arus elektrik mengalir ke tubuh mangsa akan menyebabkan denyutan jantung terhenti.
2. Mangsa hendaklah dialihkan dari kawasan bahaya dan jika perlu berikan rawatan pemulihan yang sesuai kepadanya seperti rajah di bawah.



Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100, Putrajaya.
Talian Bebas Tol : 1-800-2222-78 (ST)
T: 03 8870 8500 F: 03 8888 8637
E: info@st.gov.my



Merawat Mangsa RENJATAN ELEKTRIK



www.st.gov.my

Pertolongan Cemas

Pertolongan cemas ialah satu kaedah memberi bantuan awal kepada mangsa kemalangan. Tujuannya adalah untuk menyelamatkan nyawa, mengelakkan kecederaan menjadi lebih teruk dan mengurangkan kesakitan. Sekiranya pertolongan cemas tidak diberi dengan kadar segera, terutama bagi mangsa yang terhenti denyutan nadi dan pernafasannya, kemungkinan besar mangsa tidak dapat diselamatkan. Mereka yang memberikan pertolongan cemas mestilah mengetahui kaedah yang betul untuk melaksanakannya. Setiap individu seharusnya bersedia untuk memberi pertolongan cemas apabila diperlukan.

Namun begitu, mereka yang telah menjalani latihan daripada pihak berkaitan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM), Persatuan St. John Ambulance dan institusi kesihatan lain adalah lebih berkecualan dalam memberikan pertolongan cemas seperti ini.

Beberapa jenis kecederaan dan kemalangan yang kerap berlaku adalah seperti terkena renjatan elektrik, termakan atau terminum racun, serangan sakit jantung, sawan, pitam, luka dan terbakar. Dalam buku ini hanya rawatan bagi mangsa renjatan elektrik yang akan dibincangkan. Berikut ialah garis panduan pelaksanaan pemulihan jantung dan paru-paru (CPR) kepada mangsa dewasa yang mengalami ketiadaan nafas dan nadi, ditunjukkan dalam Rajah 1 hingga Rajah 11.

1 | Tahap kesedaran

PANGGILAN KECEMASAN



Rajah 1
Tepuk badan mangsa, panggil namanya dan tanyakan keadaanya.

2 | Kedudukan mangsa



Rajah 2
Mangsa yang tertiarap hendaklah ditelentangkan di atas permukaan yang rata dan keras

3 | Buka saluran penafasan mangsa



Rajah 3
Angkat dagu mangsa supaya saluran pernafasannya terbuka

4 | Pemeriksaan



Rajah 4
Lakukan pemeriksaan terhadap mangsa untuk mengenalpasti keadaanya dengan mendongakkan kepalanya pada sudut 90°

5 | Beri hembusan udara luar



Rajah 5
Tekup mulut anda ke mulut mangsa dengan rapat dan lepaskan hembusan sambil memerhatikan pergerakan dada mangsa

6 | Periksa nadi karotid



Rajah 6
Periksa nadinya selama 5-10 saat

7 | Cara meletakkan tangan untuk melakukan tekanan dada luar


Jika nadi tidak berdenyut:

- Cari kedudukan yang sesuai ke atas daripada cuaran sifoid (hulu hati iaitu tulang dada yang bawah sekali).
- Letakkan pangkal tapak tangan anda dan kunci jari-jari kedua-dua belah tangan anda seperti dalam rajah.



Rajah 7
Cari kedudukan yang sesuai di bahagian bawah tulang dada mangsa

8 | Cara melakukan tekanan



Rajah 8
Luruskan kedua-dua lengan sambil memandang tepat ke dada mangsa

sa 1 minut.

9 | 4 kitaran lengkap



Rajah 9
Lakukan 2 hembusan pernafasan diikuti dengan 15 kali tekanan berturut-turut sebanyak 4 kitaran

10 | Periksa semula nafas dan nadi



Rajah 10
Lakukan pemeriksaan semula nafas dan nadi

Pemeriksaan semula

- Periksa nafas dan denyutan nadi serentak
- Jika tiada nafas tetapi ada nadi berikan hembusan sahaja sebanyak 12 kali dalam 1 minit (1 kali setiap 5 saat).
- Periksa semula nafas dan nadi mangsa

11 | Baringan pemulihan



Rajah 11
Baringkan mangsa dalam kedudukan pemulihan